

D830

B 0030 AAB  
MAHATHIR - MOSCOW \* \* \*  
(1)

DARIPADA ABDUL RAHMAN SULAIMAN

LONDON, 25 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI MELAHIRKAN RASA OPTIMIS BAHAWA ISU KAMPUCHEA DAPAT DISELESAIKAN DALAM SEMANGAT SETIAKAWAN TIDAK LAMA LAGI.

INI BERDASARKAN APA YANG DIANGGAPNYA SEBAGAI PERUBAHAN PANDANGAN DALAM KEPEMIMPINAN BARU SOVIET, KATA BELIAU DI SINI HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA DEMIKIAN SEBAGAI MENGULAS LAPORAN DARI MOSCOW YANG MEMETIK KENYATAAN PEMIMPIN SOVIET, MIKHAIL GORBACHEV, SEBAGAI BERKATA BAHAWA PEMBENTUKAN KERAJAAN YANG BERSATU MELALUI +CAMPURAN KUASA-KUASA NASIONAL+ MERUPAKAN SATU KEMUNGKINAN BAGI KAMPUCHEA.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG AKAN MELAWAT SOVIET UNION MINGGU DEPAN BERKATA MALAYSIA KHUSUSNYA DAN ASEAN AMNYA TIDAK PATUT MEMPUNYAI PENDIRIAN YANG TERLALU KETAT BERHUBUNG DENGAN ISU ITU DALAM USAHA Mencari PENYELESAIAN YANG SESUAI.

KETIKA DITANYA BILAKAH, PADA PANDANGAN BELIAU, ISU ITU DAPAT DISELESAI, BELIAU BERKATA BELIAU TIDAK DAPAT MEMBERI MASANYA SECARA TEPAT TETAPI MENAMBAH= +SAYA AMAT OPTIMIS MASALAH ITU AKAN DISELESAIKAN.+ -- LAGI.

1550MST 25 07 87

D833

B 0031 AAB  
MAHATHIR - MOSCOW 2 LONDON \* \* \*  
(1)

DALAM SATU TEMURAMAH DENGAN SEORANG PENGARANG AKHBAR INDONESIA BARU-BARU INI, PEMIMPIN SOVIET ITU BERKATA MASALAH KAMPUCHEA HANYA BOLEH DISELESAIKAN MELALUI CARA POLITIK.

+DAN PADA PENDAPAT KAMI, APA YANG PENTING IALAH IDEA PERDAMAIAN KEBANGSAAN ITU SEDIKIT DEMI SEDIKIT TETAPI DENGAN PENUH YAKIN MENUJU KE ARAH KEJAYAAN,+ KATA GORBACHEV.

KENYATAAN ITU MERUPAKAN PETANDA POSITIF PERTAMA OLEH KEPEMIMPINAN SOVIET MENGENAI KEMUNGKINAN WUJUDNYA SATU KERAJAAN KEBANGSAAN YANG BERSATU DI KAMPUCHEA.

SEBELUM INI, ADA LAPORAN YANG MENYATAKAN BAHAWA KREMLIN DALAM BEBERAPA BULAN YANG LEPAS TELAH MULA BERSEDIA BERDIALOG DENGAN NEGARA-NEGARA ANGGOTA ASEAN IAITU THAILAND, INDONESIA, FILIPINA, BRUNEI DARUSSALAM, SINGAPURA DAN MALAYSIA DAN TELAH BERSETUJU BUAT KALI PERTAMANYA UNTUK MEMBINCANGKAN ISU KAMPUCHEA. -- BERNAMA.

1556MST 25 07 87